

Malaysia tidak bimbang China muncul kuasa besar ekonomi

UM 3 1 AUG 2001

PETALING JAYA 30 Ogos — Malaysia tidak bimbang dengan kemunculan China sebagai kuasa besar ekonomi rantau ini sebaliknya yakin mampu mengetengahkan kelebihan sendiri untuk menarik pelaburan asing.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, kelebihan dalam bidang-bidang tertentu seperti penawaran sumber tenaga kerja mahir dan berpengetahuan akan membolehkan negara bersaing dengan China yang mempunyai kelebihan dari segi potensi pasaran yang besar.

“Memang kita tidak boleh bersaing dengan 1.3 bilion rakyat China yang sangat kuat bekerja dan sedia menerima gaji rendah kerana kos sara hidup yang rendah di negara itu. Tetapi kita perlu mencari kelebihan sendiri dan sebab itulah kerajaan mempromosikan Koridor Raya Multimedia (MSC) agar rakyat Malaysia mempunyai sedikit kelebihan berbanding China,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika menjawab satu soalan pada sesi dialog semasa majlis makan tengah hari anjuran Persatuan Bekas Penuntut Oxford dan Cambridge di sini hari ini.

Menurut Perdana Menteri, kebolehan rakyat Malaysia bertutur atau sekurang-kurangnya memahami bahasa Inggeris membolehkan mereka memperoleh pengetahuan khususnya dalam industri teknologi maklumat dan komunikasi (ICT).

Di samping itu, katanya, kerajaan juga menggalakkan universiti melahirkan lebih ramai pekerja mahir dan berpengetahuan.

Dengan penyertaan China yang mempunyai potensi pasaran yang besar ke dalam Pertubuhan Perda-

ngan Sedunia (WTO) kelak, Perdana Menteri percaya Malaysia juga akan mendapat manfaat daripada negara itu.

Justeru Dr. Mahathir berkata, terserah kepada Malaysia untuk membuat analisis dan mencari segala peluang untuk bersaing dengan China.

“Saya fikir kita tidak akan terjejas teruk. Kita terima yang China adalah kuasa ekonomi besar dan kita akan berbaik-baik dengannya,” kata beliau.

Menjawab soalan lain, Perdana Menteri mempertahankan Dasar Pandang Ke Timur yang diperkenalkan olehnya adalah baik kerana berjaya membolehkan negara memahami cara bekerja orang Jepun.

“Cuma sekarang ini Jepun berada dalam keadaan tidak begitu baik kerana ia memutuskan untuk mengamalkan dasar yang sama. Tetapi apabila Jepun pandang ke Timur, dia nampak Amerika,” katanya.

Bagi Dr. Mahathir, langkah tersebut merupakan satu kesilapan bagi Jepun kerana struktur pentadbiran di Amerika Syarikat termasuk pembuangan pekerja tidak sesuai dengan budaya negara matahari terbit itu.

Hari ini di Jepun, katanya, rakyatnya yang diberhentikan enggan pulang ke rumah sebaliknya sanggup tinggal dalam khemah plastik kerana bagi orang Jepun, dibuang kerja adalah perkara amat memalukan.

“Apabila kita memandang ke Timur hari ini, apa yang berlaku kepada Jepun menjadi teladan bagi kita untuk tidak melakukan perkara yang sama. Perhatikan ketidaktentuan Jepun kini memberi pengajaran kepada kita dan ini menjadikan dasar itu masih relevan,” katanya.